



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SELASA 10 FEBRUARI 2026**

BIL.	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	CUACA PANAS, BOT NELAYAN SUKAR LEPASI MUARA SUNGAI CETEK, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA, M/S – 29	LAIN-LAIN
2.	ÉL NINO' LANDA ULU TEMBELING, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA, M/S – 28	
3.	TANJUNG SEPAT BEBAS BABI SEPTEMBER, NEGARA, KOSMO, M/S – 13	
4.	PENTERNAKAN BABI TIDAK WAJAR DIBANGUN DI KAWASAN DIBANTAH, NASIONAL, SINAR HARIAN, M/S – 6	
5.	LADANG BABI TANJUNG SEPAT WAJIB DIKOSONGKAN, NASIONAL, SINAR HARIAN, M/S – 6	
6.	TEKONG TEMPATAN DICEKUP APMM, LOKAL, HARIAN METRO, M/S – 8	
7.	ENHANCING VETERINARY EDUCATION WITH VR AND AI, LIFE & TIMES, NEW STRAITS TIMES, M/S – 12	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Cuaca panas, bot nelayan sukar lepasi muara sungai cetek

Oleh **AIN SAFRE BIDIN**
utusannews@mediamulla.com.my

LUMUT: Sekumpulan nelayan laut di Parit Haji Dollah Sungai Tiram, Lekir di sini terpaksa menunggu air pasang seawal pukul 5 pagi bagi membawa bot melepasi muara sungai yang semakin cetek sejak lebih sebulan lalu.

Tinjauan *Utusan Malaysia* mendapati kebanyakan nelayan di kawasan itu terpaksa mengikat bot di pesisir pantai sepanjang musim panas susulan paras air muara yang terlalu cetek, sekali gus menyukarkan mereka untuk keluar ke laut.

Kadaan tersebut menyebabkan nelayan tidak mampu berbuat apa-apa kecuali mendendam rasa apabila rutin mencari rezeki harian terjejas.

Seorang nelayan, Md. Dahari Md. Tarsim, 73, berkata, muara

sungai di kawasan itu menjadi terlalu cetek sejak lebih sebulan lalu sehingga menyukarkan kerja mengeluarkan bot dari jeti ke laut.

Menurutnya, mereka terpaksa menunggu air pasang setiap hari sebelum dapat keluar menangkap ikan.

"Laluan keluar dari jeti ke muara kini dipenuhi pasir yang timbul. Kadaan ini memang bermasalah kerana bot tidak dapat melepasi muara dan kami terpaksa menunggu air pasang berjam-jam lamanya.

"Kadang-kadang walaupun sudah menunggu lama, masih tidak pasti sama ada bot boleh melepasi muara atau tidak. Kami perlu menunggu paras air pasang sekurang-kurangnya empat meter barulah bot boleh keluar ke laut," katanya.

Beliau berkata, langkiah ter-

baik bagi menyelesaikan masalah itu adalah dengan mengorek atau mendalamkan muara sungai supaya pergerakan keluar masuk bot ke jeti dapat dipermudahkan.

Seorang lagi nelayan, Mohamad Kamal Mat Nor, 40, berkata, masalah muara cetek bukan perkara baharu, namun musim panas kali ini lebih teruk sehingga menyebabkan beting pasir timbul walaupun hujan turun seketika.

Menurutnya, keadaan itu mengakibatkan pelbagai masalah kepada nelayan termasuk bot tersadai, tersangkut dan mengalami kebocoran.

"Kami bimbang kerana tidak lama lagi akan memasuki bulan Ramadan diikuti Aidilfitri. Jika masalah ini berlarutan, pendapatan kami terjejas sedangkan perbelanjaan keluarga semakin meningkat," katanya.



MD. DAHARI MD. TARSIM menunjukkan keadaan muara sungai yang cetek akibat cuaca panas di jeti Parit Haji Dollah, Sungai Tiram, Lekir, Lumut. - **UTUSAN/AIN SAFRE BIDIN**

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
10/2/2026	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	28

'El Nino' landa Ulu Tembeling

Oleh HARIS FADILAH AHMAD
utusannews@mediamula.com.my

JERANTUT: Selepas tirai musim tengkujuh berakhir, penduduk Ulu Tembeling di sini, kini berdepan cuaca panas dan kering yang mula melanda sejak pertengahan bulan lalu.

Fenomena itu menyebabkan air Sungai Tembeling surut dan muncul beting pasir seluas antara 80 hingga 150 meter sekali gus cabaran buat penduduk khususnya nelayan sungai.

Seorang penduduk Kampung Bantal, Japrun Ali, 66, berkata, fenomena yang berlaku setiap tahun itu turut memberikan cabaran kepada penternak ikan sangkar dan pengusaha pelancongan di situ.

"Nelayan sungai seperti saya berdepan kekurangan ikan kerana spesies bermutu tinggi seperti kelah dan patin bergerak ke habitat kawasan lubuk dan selebihnya ke hilir sungai mencari makanan.

"Cuma nelayan di sini mem-



SEBUAH bot penambang terkandas di alur Sungai Tembeling berikutan air surut dan berpasir berdekatan Kampung Bantal, Ulu Tembeling di Jerantut, Pahang. - UTUSAN/HARIS FADILAH AHMAD

peroleh ikan kecil di kawasan alur (sungai) sekadar untuk makanan keluarga, manakala penternak ikan sangkar mengalami

masalah air cetek dan perubahan suhu (air) menyebabkan hasil terjejas," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini semalam.

Berkongsi pengalaman yang sama, pemandu bot penambang, Jamizan Rashid, 47, berkata, musim kemarau menyebabkan

kesukaran memunggang penumpang dan pelancong ke perkampungan di Ulu Tembeling.

"Pemandu perlu berhati-hati melalui kawasan alur sungai dan kadangkala sukar apabila berdepan air cetek sekali gus terkandas di laluan berpasir dan perlu turun beramai-ramai menolak bot melepasi kawasan berkenaan," katanya.

Dia berkata, tahun ini keadaan cuaca kemarau di Ulu Tembeling lebih cepat berbanding kelimannya bermula April hingga akhir September, yang kemungkinan boleh mengurangkan kehadiran pengunjung ke perkampungan Melayu pesisir Sungai Tembeling.

Ujarnya, walaupun ada jalan darat dari Kuala Tahan ke Kampung Mat Daling tetapi pengunjung khususnya pelancong 'Mat Saleh' lebih berminat menaiki bot Sungai Tembeling menikmati alam semulajadi dan jika kemarau berterusan kemungkinan menjejaskan sektor tersebut.

Tanjung Sepat bebas babi September

- **Ladang khinzir kosong menjelang suku ketiga 2026**
- **Lesen penternak tidak diperbaharui**

Oleh ISKANDAR SHAH MOHAMED

SHAH ALAM – Semua ladang ternakan babi di Tanjung Sepat, Kuala Langat akan dikosongkan sepenuhnya menjelang suku ketiga tahun ini.

Exco Infrastruktur dan Pertanian Selangor, Datuk Izham Hashim berkata, proses pengosongan ladang itu sedang berjalan secara berperingkat dalam tempoh enam bulan yang diberikan kerajaan negeri.

Tegasnya, tindakan itu dilakukan dengan mengambil kira pelbagai faktor termasuk isu pencemaran dan ancaman penyakit Demam Babi Afrika (ASF) yang dikesan masih aktif di kawasan berkenaan.

"Keputusan kerajaan Selangor adalah tidak akan memperbaharui lesen mereka (penternak) dan sekarang adalah proses pengosongan.

"Kita beri tempoh enam bu-



KAWASAN penternakan babi di Tanjung Sepat, Kuala Langat akan dikosongkan sepenuhnya pada suku ketiga tahun ini selepas mengambil kira pencemaran dan ancaman penyakit ASF.

lan atau sehingga suku ketiga tahun ini (September) untuk mereka selesaikan baki ternakan yang ada. Selepas itu, kawasan berkenaan mesti bersih," katanya pada majlis penyerahan Surat Setuju Terima bagi Kontrak Jangka Panjang Penyelenggaraan Jalan Selangor di sini semalam.

Pada 30 Januari lalu, Kosmo! melaporkan hanya 30 daripada 115 ladang ternakan babi masih beroperasi di Tanjung Sepat dan dalam proses pengosongan secara besar-besaran susulan penularan wabak ASF.

Mengulas lanjut, kata Izham, Jabatan Perkhidmatan Veterinar Selangor sentiasa melakukan pemantauan ketat terhadap baki ternakan yang masih ada.

"Jika dalam tempoh pengosongan ini didapati ada ternakan positif ASF, kita tidak akan tunggu dan terus lupus.

"Hanya babi yang negatif (sihat) dibenarkan dibawa keluar ke pusat penyembelihan bagi pelupusan secara berperingkat. Penternak juga sudah diingatkan supaya tidak memulakan pusingan ternakan baharu (anak babi) sepanjang tempoh pelupusan itu dilaksanakan," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
10/2/2026	SINAR HARIAN	NASIONAL	6

Penternakan babi tidak wajar dibangun di kawasan dibantah

PUTRAJAYA - Penternakan babi tidak wajar diteruskan sekiranya dibangunkan di kawasan yang mencetuskan kegelisahan dan bantahan penduduk setempat.

Tegas Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, kerajaan tidak halang ternakan babi, sebaliknya perlu ditangani secara rasional dengan mengambil kira kesihatan, kebersihan dan keharmonian komuniti.

"Kita dari segi dasar tidak menentang ternakan babi dan tidak melarang orang bukan Islam makan babi. Tetapi kita juga tidak boleh memaksa masyarakat yang tidak menghendakinya untuk menerima ternakan itu di persekitaran tempat tinggal mereka," katanya.

Beliau berkata demikian di Majlis Perhimpunan Bulanan Kementerian Perpaduan Negara di sini pada Isnin.

Mengulas lanjut, Anwar berkata, ternakan babi tidak seharusnya diteruskan di kawasan yang berpotensi mencetuskan kontroversi dan pertikaian awam, sebaliknya perlu mencari lokasi yang tidak menimbulkan masalah kepada komuniti setempat.

"Kalau di Kuala Lumpur tidak sesuai, maka tidak perlu. Kalau di Selangor sukar, maka sukarlah. Jangan cari masalah kerana isu bau, kesihatan dan najis itu masalah yang nyata.

"Saya sendiri tidak bersetuju jika ada ternakan babi di sekitar rumah saya di Sungai Long. Bukan kerana saya anti orang Cina makan babi, tetapi kerana masalah bau dan pengurusan najis yang menimbulkan ketidakselesaan," katanya.

Tambah beliau, isu ternakan babi sama seperti isu rumah ibadat haram yang perlu

diselesaikan melalui ketetapan, peraturan dan undang-undang, bukannya tindakan melulu atau bersifat emosi.

"Kalau betul haram, janganlah pergi ambil kapak. Kena bagi masa, tapi kalau dibiarkan setahun pun tak selesai, itu pun masalah. Jadi mesti ada ketetapan dan peraturan dan hukum," katanya.

Justeru Anwar menegaskan pendekatan rundingan secara berhemah dan saling menghormati adalah kunci dalam menangani isu sensitif melibatkan kepentingan pelbagai pihak.

"Jawapannya bukan dengan bengis, bukan mencerca dan bukan menghina. Kita hormati hak orang yang makan babi, dan mereka juga perlu hormati hak kita untuk menjaga kawasan yang sesuai. Dengan cara itu, negara akan kekal aman," ujar beliau.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
10/2/2026	SINAR HARIAN	NASIONAL	6

Tiada pembaharuan lesen, proses pengosongan berperingkat dalam tempoh enam bulan

Oleh MOHD IZZATUL IZUAN TAHIR

SHAH ALAM - Kerajaan Selangor menegaskan tiada lagi pembaharuan lesen diberikan kepada semua penternak babi di Tanjung Sepat, Kuala Langat dan kawasan itu wajib dikosongkan sepenuhnya menjelang suku ketiga tahun ini.

Exco Infrastruktur dan Pertanian Selangor, Datuk Ir Izham Hashim berkata, proses pengosongan ladang itu kini sedang berjalan secara berperingkat dalam tempoh enam bulan yang diberikan oleh kerajaan negeri.

Tegas beliau, tindakan itu diambil selepas mengambil kira pelbagai faktor termasuk isu pencemaran dan ancaman penyakit Demam Babi Afrika (ASF) yang dikesan masih aktif di kawasan terbabit.

"Keputusan kerajaan negeri adalah kita tidak akan perbaharui lesen mereka dan sekarang adalah proses pengosongan.

"Kita beri tempoh enam bulan atau sehingga suku ketiga tahun ini untuk mereka selesaikan baki ternakan yang ada dan selepas itu, kawasan tersebut mesti bersih," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui semasa sidang akhbar selepas Majlis Penyerahan Kenderaan dan Jentera Baharu dan Surat Setuju Terima (SST) bagi Kontrak Jangka Panjang Penyelenggaraan Jalan-Jalan Negeri Selangor di Stadium Mini JKR Selangor di sini pada Isnin.

Izham menjelaskan, Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) Selangor sentiasa melakukan pemantauan ketat terhadap baki ternakan yang masih ada.

"Jika dalam tempoh pengosongan ini kita dapati ada ternakan yang positif penyakit ASF, kita tidak akan tunggu dan terus lupus.

"Hanya babi yang negatif (sihat) sahaja

Ladang babi Tanjung Sepat wajib dikosongkan



Izham memandu jentera sebagai simbolik Majlis Penyerahan Kenderaan dan Jentera Baharu dan SST di Stadium Mini JKR Selangor pada Isnin.

Keputusan kerajaan negeri adalah kita tidak akan perbaharui lesen mereka dan sekarang adalah proses pengosongan."

dibenarkan dibawa keluar ke pusat penyembelihan untuk tujuan pelupusan secara berperingkat," tambahnya.

Beliau mendedahkan, jumlah ladang di kawasan itu juga kini menunjukkan penurunan

daripada 30 ladang sebelum ini berikutan tindakan tegas yang diambil kerajaan.

Menurutnya, penternak juga sudah diingatkan supaya tidak memulakan pusingan ternakan baharu (anak babi) sepanjang tempoh pelupusan itu dijalankan.

Mengenai bantahan penduduk Bukit Tagar yang menuntut supaya cadangan pemindahan ladang babi dari Tanjung Sepat, Kuala Langat ke Bukit Tagar dibatalkan terus, Izham berkata, sehingga kini kerajaan negeri belum memuktamadkan mana-mana lokasi bagi projek.

Beliau mempersoalkan tindakan pihak tertentu yang mendesak pembatalan projek sedangkan kajian dan pilihan lokasi masih lagi di peringkat penelitian.

"Kita belum (muktamadkan) lagi tempat mana nak buat pun, tak ada apa lagi (projek bermula). Kita kerajaan yang bertanggungjawab, kita akan teliti betul-betul

tempat mana yang sesuai.

"Dulu saya sebut Bukit Tagar sebab di situ ada ladang milik GLC (syarikat berkaitan kerajaan) yang jauh daripada penduduk, tapi itu hanya salah satu pilihan. Kita masih lihat banyak lagi pilihan lain," katanya.

Dalam pada itu, Izham berkata, kerajaan negeri tidak membiarkan penternak hilang punca pendapatan, sebaliknya telah mengatur pertemuan dengan pelabur teknologi moden untuk hala tuju masa depan industri itu.

"Saya sudah susun pertemuan antara mereka dengan pelabur teknologi moden. Kita mahu mereka beralih kepada kaedah penternakan tertutup yang lebih bersih dan mesra alam seperti yang sedang dibangunkan di Sungai Siput, Perak.

"Jika mereka mahu teruskan, mereka mesti ikut kriteria teknologi moden ini yang jauh daripada penempatan penduduk dan punca air," ujar beliau.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
10/2/2026	HARIAN METRO	LOKAL	8



SEORANG tekong warga tempatan bersama tiga awak-awak warga Indonesia ditahan APMM Selangor di kedudukan 8.4 batu nautika barat daya Sungai Besar, Sabak Bernam.

DIDAKWA GAJI 3 WARGA ASING TANPA DOKUMEN

Tekong tempatan dicekup APMM

Oleh Amirul Aiman
Hamsuddin
am@hmetro.com.my

Shah Alam

Tindakan tekong warga tempatan meng-gaji tiga warga asing tanpa dokumen sah mengundang padah apabila ditahan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) Selangor, Sabtu lalu.

Semua individu itu yang

menaiki sebuah bot ditahan jam 11.20 pagi di kedudukan 8.4 batu nautika barat daya Sungai Besar, Sabak Bernam.

Pengarah APMM Selangor, Kepten Maritim Abdul Muhaimin Muhammad Salleh berkata, pihaknya menjalankan operasi di perairan negeri bersama Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) Selangor.

"Pemeriksaan mendapati vesel dikendalikan lelaki

berusia 50 tahun bersama tiga awak-awak warga Indonesia berumur 39 hingga 51 tahun.

"Selain gagal mengemukakan dokumen pengenalan diri yang sah, vesel terbabit didapati melanggar syarat sah lesen termasuk penggunaan mata pukut kurang daripada 38 milimeter (mm)," katanya.

Dalam operasi sama, Abdul Muhaimin berkata, pihaknya juga merampas ki-

ra-kira 300 kilogram (kg) ikan campur dipercayai hasil daripada aktiviti penangkapan secara tidak sah.

Beliau berkata, semua kru bersama vesel dan hasil rampasan yang dianggarkan bernilai RM400,000 diiring ke Jeti Pasukan Polis Marin (PPM) Pulau Indah untuk siasatan lanjut.

Kes disiasat mengikut Akta Perikanan 1985 dan Akta Imigresen 1959/63.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
10/2/2026	NEW STRAITS TIMES	LIFE & TIMES	12

Enhancing veterinary education with VR and AI

UNIVERSITI Putra Malaysia (UPM) has launched Malaysia's first Bionic Immersive Lab, a virtual reality and artificial intelligence-based simulation facility aimed at enhancing veterinary education and professional training.

Developed in collaboration with strategic partner G Plus Tech Sdn Bhd, the lab uses immersive, AI-driven VR technology to allow students to practise procedures and decision-making in a simulated environment, reducing reliance on live animals and fieldwork.

The launch was officiated by Professor Emeritus Tan Sri Dr Syed Jalaludin Syed Salim.

According to G Plus Tech chief executive officer Dr Nurliza Md Azzam, the lab is designed to enhance students' skills and strengthen the education system by promoting self-directed learning through technology.

"With VR, students can learn independently and repeatedly. This is one of our strategies to encourage young people to adopt technology while boosting their confidence."

Faculty of Veterinary Medicine dean Professor Dr Goh Yong Meng said the technology helps address constraints such as limited resources, safety risks, disease transmission and time limitations associated with conventional veterinary training.

"Students no longer need to be taken to farms or clinical sites. They can learn anywhere without exposure to safety and biosecurity risks."

He said the initiative is expected to raise awareness of the importance of veterinary science and deliver long-



(From left)
Universiti
Putra Malaysia
Faculty of
Veterinary
Medicine dean
Professor Dr
Goh Yong
Meng, Professor
Emeritus Tan
Sri Dr Syed
Jalaludin Syed
Salim and G
Plus Tech chief
executive officer
Dr Nurliza
Md Azzam
at the launch
of Malaysia's
first Bionic
Immersive
Lab at UPM
Serdang. NSTP PIC
BY LARAIN JUANITHA

term benefits not only to students, but also to professionals and the public.

Nurliza said studies showed that VR-based training resulted in up to 80 per cent higher skill retention one year after training and up to 230 per cent improvement in surgical performance compared with traditional teaching methods.

While the lab currently focuses on veterinary education, G Plus Tech said the technology could be expanded to

other sectors, including medicine, technical and vocational education and training, science and technology, human resources, the military, police and architecture.

The company said the initiative marks the beginning of a long-term partnership with UPM, with plans to further develop immersive learning content and platforms. It expressed hope for government support to expand the Bionic Immersive Lab.



Supported by the Malaysian Communications and Multimedia Commission